

19 MAY 2003

MINT-GLOBAL/I

"ROYAL MINT OF MALAYSIA" MAHU JADI SYARIKAT GLOBAL

Oleh: Mohd Arshi Daud

KUALA LUMPUR, 19 Mei (Bernama) -- Pejabat Datuk Megat Mohamed Abdul Wahab Megat Abu Bakar di "Royal Mint of Malaysia" agak kecil, dan disempitkan lagi dengan pelbagai rekaan, contoh dan barang-barang lain di dalamnya.

Tetapi, dalam pejabat lapan-kali-lapan kaki inilah, pengarah urusan bertubuh sasa bagi syarikat pengeluar syiling dan pingat itu merangka wawasan untuk syarikat dan mungkin untuk negaranya.

Pada 2000, beliau mengambil alih Royal Mint of Malaysia yang pada masa itu dikenali hanya sebagai Kilang Wang, daripada Bank Negara Malaysia (BNM).

Bagi Megat Mohamed, bukan setakat perubahan pemilikan yang akan disaksikan olehnya, beliau mahu menambah nilai kepada pengambil alihan itu dengan menjadikan Royal Mint of Malaysia sebagai pengeluar syiling bertaraf dunia.

Dalam satu temuramah dengan Bernama, beliau berkata cita-citanya terpahat di hati dengan galakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang beliau anggap sebagai penyokong kuat syarikatnya.

Beliau mahu melihat Royal Mint of Malaysia menjadi kebanggaan negara suatu hari nanti, seperti mana Petronas yang telah mencipta nama di peringkat antarabangsa dalam bidang minyak dan gas.

Beliau menerajui syarikatnya itu ke arah mencapai sasaran ini dengan memodenkan operasi dan menukar nama untuk mencerminkan taraf global.

"Berikutan pelaburan RM16 juta dalam enam bulan pertama, kami telah menambah keupayaan pengeluaran kami kepada hampir 1.2 bilion sekeping setahun," kata Megat Mohamed. Sebelum kilang wang itu diswastakan, keupayaan pengeluaran hanya 400 juta setahun.

Syarikat yang mendapat persijilan ISO 9001 daripada Moody's International tahun lepas itu, kini mengeluarkan syiling, termasuk syiling kenang-kenangan dan jongkong emas yang setara standardnya dengan pengeluar syiling asing yang mungkin berpengalaman sehingga 1,000 tahun.

Ia juga, katanya, boleh menawarkan kemahiran dalam pengeluaran syiling berkualiti tinggi kepada negara-negara di Asia Tenggara dan Asia Barat.

Rundingan telah dibuat bagi pengeluaran syiling kenang-kenangan untuk Brunei dan Indonesia. Bagaimanapun, projek yang serupa di Bahrain telah ditangguhkan kerana pencerobohan ke atas Iraq.

Rundingan dengan kerajaan Vietnam yang meminta Royal Mint of Malaysia mengeluarkan syiling kosong dan syiling siap dibentuk untuk negara itu, dijangka diteruskan dalam satu atau dua minggu selepas tertangguh akibat penularan Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS).

Royal Mint of Malaysia akan mengeluarkan syiling kosong dengan pelaburan RM20 juta untuk menjadikannya pengeluar syiling kosong kedua di Asia selepas Korea Selatan. Menjelang akhir tahun ini, Royal Mint of Malaysia tidak perlu lagi mengimport syiling kosong, sebaliknya ia sendiri akan boleh mengeluarkan 2.0 bilion keping syiling kosong setahun.

Megat Mohamed berkata Royal Mint of Malaysia tidak menjangkakan masalah untuk memenuhi permintaan dari seberang laut kerana keperluan untuk syiling dalam edaran di Malaysia kini hanya pada 600,000 hingga 700,000 keping setahun.

"Satu-satunya masalah saya adalah semuanya perlu dilakukan dengan pantas, tetapi apabila kami mahu memulakan sesuatu, karenah birokrasi terpaksa dihadapi," katanya.

Beliau memberitahu bahawa Royal Mint of Malaysia bukan setakat mengeluarkan syiling, tetapi juga menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) sendiri.

Mengingat kembali penerokaannya dalam pengeluaran syiling, Megat Mohamed berkata ia merupakan satu perkembangan selepas 27 tahun mengendalikan syarikat pertamanya, Mariwasa Kraftangan Sdn Bhd, yang merupakan pengguna terbesar perak di Malaysia.

Mariwasa adalah peneraju dalam pengeluaran pingat dan kraftangan logam lain di Malaysia.

Beliau berkata pengeluaran pingat adalah lebih kurang serupa dengan pengeluaran syiling. "Satu-satunya perbezaan adalah dalam kuantiti pengeluaran, celup dan mesin," beliau menjelaskan.

Tentang pengeluaran syiling kenang-kenangan Royal Mint of Malaysia, Megat Mohamed berkata ia telah menggerakkan minat dalam bidang numismatik di dalam negara.

"Pasaran untuk syiling numismatik agak muram selama hampir sedekad sebelum Royal Mint of Malaysia mengeluarkan syiling kenang-kenangan," katanya.

Tetapi sekarang, di bawah program Pendidikan Syiling (CIE) sahaja, syarikat itu mengeluarkan 30,000 keping bertema sebulan sebagai langkah untuk menggalakkan penerimaan syiling seumpama itu, dan untuk memupuk minat mengumpul syiling di kalangan pelajar di negara ini.

Untuk mencergaskan minat ini, Megat Mohamed berkata Royal Mint of Malaysia bercadang untuk melancarkan laman web bagi membolehkan pengumpul syiling, termasuk peminat-peminat antarabangsa, menyenaraikan koleksi masing-masing dan mengurus niaga menerusi internet. -- BERNAMA

MAD MR SHY JR